

## KEBERKESANAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN BAGI KURSUS PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN (PEdP): KAJIAN KES DI KALANGAN PELAJAR PRASISWAZAH DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

*THE EFFECTIVENESS OF ONLINE TEACHING AND LEARNING FOR THE  
APPRECIATION OF ETHICS AND CIVILIZATION (PEdP) COURSE: A CASE  
STUDY OF UNDERGRADUATE STUDENTS AT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH*

Mohd Sohaimi Esa<sup>1\*</sup>, Abang Mohd Razif Abang Muis<sup>2\*</sup>, Romzi Ationg<sup>3\*</sup>, Irma Wani Othman<sup>4\*</sup>, Siti Aidah Lukin @ Lokin<sup>5</sup>, Saifulazry Mokhtar<sup>6</sup> & Sharifah Darmia Sharif Adam<sup>7\*</sup>

- <sup>1</sup> Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah  
Email: msohaimi@ums.edu.my
  - <sup>2</sup> Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah  
Email: amrazif@ums.edu.my
  - <sup>3</sup> Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah  
Email: mrationg@ums.edu.my
  - <sup>4</sup> Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah  
Email: irma@ums.edu.my
  - <sup>5</sup> Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah  
Email: sitiaida@ums.edu.my
  - <sup>6</sup> Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah  
Email: saifulazry@ums.edu.my
  - <sup>7</sup> Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah  
Email: shdarmia@ums.edu.my
- \* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 15.01.2021  
Revised date: 15.02.2021  
Accepted date: 15.03.2021  
Published date: 30.04.2021

### Abstrak:

Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP) merupakan kursus wajib universiti sebagai ganti kepada kursus Hubungan Etnik di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang mula diperkenalkan pada tahun 2020. Sebagai kursus baharu, antara objektifnya ialah untuk memastikan pelajar agar dapat menghayati etika dan peradaban yang wujud dalam masyarakat kepelbagaian etnik di Malaysia. Justeru itu, Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HEPs) dipraktikkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PnP) agar pelajar dapat memperteguhkan lagi pemikiran kritikal dan analitikal mereka bagi menangani

**To cite this document:**

Esa, M. S., Muis, A. M. R. A., Ationg, R., Othman, I. W., Lukin, S. A., Mokhtar, S., & Adam, S. D. S. (2021). Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian bagi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP): Kajian Kes di Kalangan Pelajar Prasiswazah di Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (23), 57-67.

DOI: 10.35631/IJLGC.623004.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



kehidupan yang lebih mencabar pada masa kini dan akan datang. Justeru itu, kertas kerja ini membincangkan tentang keberkesanan PnP dalam talian bagi kursus PEdP tersebut sesuai dengan keadaan norma baharu pada masa kini. Bagi meninjau keberkesanannya, kajian telah dibuat dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS). Antara perkara yang disentuh dalam kajian tersebut termasuklah objektif, kurikulum dan kaedah PnP. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa matlamat asas dan objektif kursus ini tercapai walaupun dibuat dalam talian sepenuhnya, tetapi ia diandaikan bahawa pencapaian akan lebih ketara sekiranya ianya diajar menggunakan kaedah tradisional iaitu melalui kaedah pengajaran adan pembelajaran secara bersemuka.

**Kata Kunci:**

Pengajaran dan Pembelajaran (P&P), Kursus Penghayatan Etika Peradaban (PEdP), Universiti Malaysia Sabah (UMS)

**Abstract:**

The Appreciation of Ethics and Civilization (PEdP) is a compulsory university course introduced in 2020 for the Institution of Higher Learning (IHL) in replacement of Ethnic Relations. As a new compulsory university course, among its objectives is to ensure the students appreciate the ethics and civilization that appears in the multi-ethnic society of Malaysia. Accordingly, High Impact Education Practices (HEPs) have been practiced in Teaching and Learning activities to improve the students' critical and analytical thinking in dealing with challenges both at present and in the future. This paper presents a discussion on the effectiveness of online teaching and learning of PEdP in accordance with the new norm. To do so, a study was conducted among the undergraduate students of Universiti Malaysia Sabah (UMS). The matters examined include the objectives, curriculum, and methods of teaching and learning. The study shows that the fundamental aims and objectives of this course were achieved despite being thought entirely online but it is expected that both goals and objectives can be highly achieved via the application of traditional teaching and learning method of face to face teaching and learning activities.

**Keywords:**

Teaching and Learning; Appreiation of Ethics and Civilization; Universiti Malaysia Sabah (UMS)

**Pendahuluan**

Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP) merupakan kursus wajib universiti sebagai ganti kepada kursus Hubungan Etnik yang mula dilaksanakan secara menyeluruh di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) pada sesi pengajian 2020/2021. Kursus ini diletakkan sebagai Kursus Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) di Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. MPU telah diperkenalkan berteraskan kepada cabang falsafah ilmu yang melibatkan bidang keilmuan kajian kemanusiaan, sains tulen dan sains sosial. Hal ini selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, "...adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat serta negara." (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004) Justeru itu, JPT telah memperkenalkan kursus baharu iaitu Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP), disamping kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) bagi mencapai matlamat tersebut. Oleh kerana PEdP merupakan kursus baharu maka menjadi

keperluan kajian dilakukan untuk melihat keberkesannya dalam konteks pengajaran dan pembelajaran (PnP), terutamanya apabila berhadapan dengan norma baharu impak pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Fokus utama kertaskerja ini adalah membincangkan sejauhmana keberkesanan kaedah P&P dalam talian (*online learning*) apabila pertama kali diperkenalkan kursus ini kepada pelajar di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Perkara yang dibincangkan termasuklah dari segi objektif, kurikulum dan kaedah PnP sepanjang semester.

### Sorotan Literatur

Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP) dan Falsafah dan Isu Semasa (FIS) merupakan dua kursus wajib baharu di universiti awam (UA) yang mula diperkenalkan pada sesi pengambilan 2019/2020. Kedua-dua kursus ini sebagai ganti kepada kursus Hubungan Etnik (HE) dan Tamadun Islam dan Asia (TITAS). Menurut mantan Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik, kedua-dua kursus ini wajib diambil oleh mahasiswa dan menjadi prasyarat untuk mereka sebelum menamatkan pengajian. Ia merupakan salah satu hala tuju sistem pendidikan negara dan merupakan sambungan kepada pendidikan sivik di sekolah supaya diteruskan di peringkat pengajian tinggi (Berita Harian, 25 September 2019). Di UMS, kedua-dua kursus ini mula diperkenalkan pada Semester 1 Sesi 2020/2021. Oleh kerana baharu diperkenalkan maka kajian literatur masih lagi terhad dan terbatas, serta setakat ini belum terdapat kajian berkaitan dengan kursus PEdP, terutamanya kajian keberkesanan PnP dalam talian sesuai dengan keadaan norma baharu pada masa kini.

Walau bagaimanapun dalam konteks sorotan literatur, kursus PEdP boleh dilihat dari perspektif peranan kerajaan Persekutuan menerusi Kementerian Pengajian Tinggi. Hal ini telah didokumentasikan dalam perancangan polisi pendidikan tinggi negara (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004). Pada dasarnya, PEdP boleh dianggap sebagai kursus *top down* daripada Jabatan Pendidikan Tinggi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Hal ini sesuai dengan surat arahan daripada Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (2019) berhubung pelaksanaan kursus Falsafah dan Isu Semasa serta kursus Penghayatan Etika dan Peradaban di Institusi Pendidikan Tinggi. Kedua-dua kursus ini penting kerana sebagai pelengkap bagi memenuhi aspirasi negara sebagaimana yang terkandung dalam *Buku Panduan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (High-Impact Educational Practices-HIEPs) dalam Matapelajaran Pengajian Umum* (2019). Antara lain menekankan keperluan penghayatan pelajar ke arah pemantapan kesepaduan nasional dengan memacu ke arah memupuk semangat patriotisme dan nasionalisme dalam acuan Malaysia. Penyuburan perasaan cintakan tanah air dan semangat mempertahankan kedaulatan negara menjana implikasi bukan sahaja dari perspektif kematangan mentaliti, malahan berkepentingan dalam menggerakkan ekonomi dari kuasa asing (Irma Wani, 2019a). Peradaban dan etika berasaskan acuan Malaysia dikupas serta diperdebatkan dalam aktiviti akademik dengan berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, penghayatan etika dan peradaban menzahirkan perilaku tanggungjawab sosial dan digerakkan pada peringkat individu, keluarga, komuniti, negara sehingga ke peringkat global. Hal ini bertepatan dengan peranan kursus pengajian umum dalam pembangunan kemahiran insaniah kepada para pelajar di institusi pengajian tinggi (Muhamad Rahimi, 2010; Mohd Zahedi Daud, 2005) Maklumat lengkap peranan kursus wajib universiti dan kursus pengajian umum juga boleh diperolehi dari buku, *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. (2006) dan *Garis Panduan Matapelajaran Umum (MPU), Edisi Kedua*. (2016).

Hasil kajian sebelum ini juga menunjukkan bahawa nilai etika dan moral semakin tidak dititikberatkan dan memperlihatkan senario semakin terpinggir dalam kehidupan seharian, termasuk golongan pelajar (Ruslan, Farid & Azmul, 2020). Hakikinya, penerapan nilai etika merupakan elemen vital dalam mengelola tata cara kehidupan masyarakat kampus yang sinonim dengan perlakuan baik dan tanggungjawab moral (Irma Wani Othman, Mohd Kamal Mohd Shah, Muhammad Safuan Yusoff & Anna Lynn Abu Bakar, 2021). Oleh itu, langkah kementerian menawarkan kursus wajib universiti adalah suatu usaha yang bertepatan dengan keperluan dan kehendak semasa sepertimana beberapa kajian yang dilakukan oleh beberapa penyelidik sebelum ini seperti Hamidah, Norlin, Nor Akmar, Norashikin, Rozianan dan Shah Rollah (2011), Nazri Muslim, Faridah Jalil dan Abdul Aziz (2011) dan Siti Hajar Che Man (2012). Sesungguhnya, implikasi kajian ini juga boleh digunakan sebagai garis panduan kepada organisasi yang terlibat dalam usaha untuk membangunkan nilai etika dan moral, di samping menghayati peradaban dalam memperkukuhkan sahsiah mahasiswa ketika di alam universiti sebelum mereka melibatkan diri ke alam pekerjaan kelak. Sebagai kursus baharu, maka PEdP sama sepertimana kursus sebelum ini, Hubungan Etnik dan Tamadun Islam dan Asia perlu dikaji agar terdapat penambahbaikan dan pemurnian dapat dilakukan oleh pihak yang terlibat, antaranya termasuklah kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian.


### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal-selidik sebagai alat pengumpulan data. Seramai 642 orang responden telah terpilih dalam kajian ini. Responden ini terdiri daripada pelajar tahun pertama UMS yang telah mengambil kursus PEdP pada semester 1 Sesi 2020/2021. Borang soal-selidik telah diedarkan kepada responden oleh penyelidik dengan menggunakan kaedah *google forms*. Kaedah ini dipilih kerana lebih mudah dilaksanakan berbanding dengan kaedah konvensional dan selari dengan era digital kini. Dengan kaedah ini juga dapat membantu dari segi mengurangkan tempoh masa kajian, penjimatan kos dan hasil kajian dapat dianalisis dengan segera. Borang soal selidik ini diedarkan setelah pelajar selesai mengikuti kursus PEdP agar keputusan yang diperolehi menepati matlamat kajian ini. Jumlah responden yang diperolehi iaitu 642 pelajar (32%) mewakili populasi responden adalah memadai untuk menilai daripada sejumlah sekitar 2029 pelajar yang mengikuti kursus ini. Pelajar yang mengikuti kursus ini telah dibahagikan kepada beberapa seksyen (kelas), iaitu satu seksyen terdiri daripada sekitar 100 orang pelajar dengan dikendalikan sepenuhnya oleh seorang pensyarah untuk sepanjang semester. Aspek yang dikaji berkaitan dengan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian berkaitan dengan objektif, kurikulum dan kaedah pengajaran dan pembelajaran.

### Profil Responden

Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP) dengan kod UW00802 mula diperkenalkan di UMS pada semester 1 Sesi 2020/2021 yang dilaksanakan pada Oktober 2020. Kursus ini merupakan kursus wajib universiti, selain kursus UW00702 (Falasafah dan Isu Semasa) dan kursus UW00303 (Asas Pembudayaan Keusahawanan). Justeru itu, pelajar wajib mengambil dan lulus ketiga-tiga kursus ini. Pada semester 1 Sesi 2020/2021, pelajar yang mengambil kursus PEdP terdiri daripada pelajar aliran sastera tahun pertama, sementara aliran sains akan mengambilnya pada semester ke-2 Sesi 2020/2021. Kursus ini telah dikendalikan sepenuhnya secara dalam talian oleh pensyarah menerusi saluran kuliah webex, google meet dan Smartv3 UMS, selain platform lain menerusi aplikasi seperti whatsapp, telegram dan email. Data dianalisis secara deskriptif yang menggunakan peratusan untuk melihat keberkesannya.

### Carta 1: Kedudukan Etnik Dan Negeri Responden



Bagi kajian ini, profil responden terdiri daripada pelajar aliran sastera tahun pertama di UMS. Terdapat 642 responden yang terdiri daripada pelajar pelbagai etnik dan negeri. (Lihat, Carta 1) Majoriti mereka terdiri daripada keturunan Melayu, terutamanya dari negeri-negeri Semenanjung, di samping bumiputera, khususnya dari Sabah dan Sarawak seperti Kadazan-Dusun, Iban, Murut dan Sungai. Begitu juga, responden terdiri daripada pelajar berketurunan Cina dan India. Refleksi ini mencerminkan realiti rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik yang mempunyai latar belakang yang berbeza dari segi agama dan budaya. Walau bagaimanapun, majoriti pelajar berasal dari Sabah (55.6%), Sarawak (13.4%) dan diikuti oleh negeri-negeri lain di Semenanjung. Hal ini berlaku kerana lokasi UMS sebagai institusi yang terletak di Negeri di Bawah Bayu yang memungkinkan menjadi pilihan utama pelajar tempatan.

### Hasil dan Dapatan Kajian

#### Objektif Kursus


Kursus PEdP mempunyai keistimewaannya tersendiri sekiranya dilihat dari segi objektif pengajaran dan pembelajaran. Menerusi kursus ini, pelajar dilatih untuk menghayati etika dan peradaban yang wujud dalam masyarakat kepelbagaian etnik di Malaysia. Hal ini penting untuk pelajar agar dapat memperteguhkan lagi pemikiran kritikal dan analitikal mereka bagi menangani kehidupan yang lebih mencabar. Terdapat dua objektif yang digariskan oleh kursus ini iaitu,

1. Membincangkan konsep etika dan isu-isu kontemporari daripada perspektif peradaban yang berbeza.
2. Membandingkan sistem, tahap perkembangan kemajuan sosial dan kebudayaan merentas bangsa.

## Carta 2: Objektif Kursus

Adakah objektif kursus ini tercapai setelah anda mengikutinya sepanjang semester?

642 responses



Berdasarkan kajian, terdapat 83.5% bersetuju bahawa objektif kursus ini telah tercapai sungguhpun kelas dibuat secara dalam talian. Objektif ini boleh tercapai apabila pensyarah yang terlibat mengajar kursus PEdP telah diberikan pendedahan dan kemahiran menerusi bengkel yang dianjurkan oleh pihak kementerian mahupun di peringkat universiti. Di samping itu, persediaan alat bantu mengajar seperti nota kuliah dan bahan pengajaran pembelajaran telah dipastikan agar bersesuaian dengan kelas dalam talian. Sesi pengajaran dijalankan secara online menerusi platform webex atau google meet. Dengan kata lain, tiada kelas bersemuka antara pensyarah dengan pelajar kerana keadaan yang tidak mengizinkan akibat Covid-19 dan PKP. Selain kelas dalam talian, objektif kursus ini berjaya mencapai matlamatnya apabila pengajaran juga berlansung menerusi platform Smartv3UMS, WhatsApp dan Telegram. Walau bagaimanapun, terdapat 16.4% responden dikategorikan neutral (tidak pasti) memandangkan terdapatnya beberapa kekangan dan kelemahan kelas secara maya tersebut, terutamanya berkaitan dengan isu teknikal, logistik dan prasarana seperti masalah data, line internet yang lemah atau tiada langsung, serta tempat yang kurang kondusif untuk tujuan pembelajaran.

### ***Kurikulum PEdP***

Kurikulum PEdP digubal selari dengan tujuan Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) yang diperkenalkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi. Tujuan MPU diperkenalkan adalah untuk menjadikan pelajar parriswazah dilengkapi dengan pengetahuan berkaitan dengan pembinaan negara bangsa, pengukuhan dan perluasan pengetahuan mereka tentang Malaysia, di samping dapat mengaplikasikan kemahiran insaniah. (Saharia, 2015) Berdasarkan MPU, kursus PEdP dikategorikan dalam U1, yakni penghayatan falsafah, nilai dan sejarah. (*Garis Panduan Matapelajaran Umum (MPU)*, 2016) Sebagai kursus baharu, maka begitu penting untuk melihat keberkesannya dari segi kurikulum agar sekurang-kurangnya setanding dengan kursus sebelum ini, yakni Hubungan Etnik. (Mohd Sohaimi, Dayu & Budi, 2011)


Kurikulum PEdP adalah memfokuskan kepada penghayatan etika dan peradaban dalam acuan Malaysia. Pelajar didedahkan dengan dinamika konsep etika dan peradaban yang menjadi kekuatan kepada pembentukan negara Malaysia. Perbincangannya diolah dan diadun dengan melihat dari segi susur masa evolusi sejarahnya dari era pra-kolonial sehingga ke pasca-kolonial. Oleh itu, pembentukan etika dan peradaban dalam masyarakat kepelbagaian dibincangkan bagi meningkatkan penghayatan penghayatan pelajar ke arah pemantapan kesepaduan nasional. Peradaban acuan Malaysia dikupas serta diperdebatkan dalam aktiviti akademik dengan berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan. Pembinaan kesepaduan

nasional amat dipengaruhi oleh globalisasi dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang kompleks. Kesalinghubungan elemen tanggungjawab sosial di bawah denominasi ekonomi, sosial dan kelestarian sejagat berupaya memanfaatkan pembangunan modal insan menara gading (Irma Wani, O., Herlina. J., & Norazah, M. S. (2019b). Oleh itu, penghayatan etika dan peradaban menzahirkan perilaku tanggungjawab sosial dan digerakkan pada peringkat individu, keluarga, komuniti, masyarakat, dan negara. Antara rujukan yang menjadi pilihan utama bagi kursus ini termasuklah karya yang ditulis oleh Mohd Sohaimi, Dayu dan Budi (2011), Dayu, Mohd Sohaimi, Yusten dan Budi (2015), Mohd Sohaimi (2020), Shmasul (2007, 2012), Mitchell (2011), Maszlee (2017), Majid (1991), Harari (2017), Guenon (2001), Falikowski (1990), Dugin (2012) dan Cheng (2012; 2016). Terdapat 9 topik yang dipelajari menerusi kursus PEdP iaitu:

1. Pengenalan PEdP dalam Acuan Malaysia
2. Konsep Etika dan Peradaban
3. Etika dan Peradaban dalam Masyarakat Kepelbagaian
4. Pemantapan Kesepaduan Nasional Malaysia
5. Pembinaan Peradaban Majmuk di Malaysia
6. Perlembagaan sebagai Tapak Integrasi dan Wahana PEdP
7. Pengaruh ICT Ke Atas Kesepaduan Nasional Malaysia
8. Peranan PEdP Mendokong Tanggungjawab Sosial di Malaysia
9. Cabaran Kelestarian Etika dan Peradaban di Malaysia

### Carta 3: Penarafan Bintang Kursus PEdP

Sekiranya anda diminta memilih kursus ini berbanding dengan kursus lain, berapa bintang yang akan anda berikan kepada kursus ini?  
642 responses




Berdasarkan Carta 3, majoriti responden telah meletakkan penarafan tertinggi bagi kursus ini berbanding dengan kursus-kursus lain apabila lima bintang (60%), empat bintang (33.3%) dan bakinya tiga bintang. Natiujahnya, khusus baharu yang ditawarkan oleh pihak kementerian ini begitu relevan dengan keperluan pelajar dan memenuhi kehendak semasa, serta selaras dengan kurikulum yang digubal untuk mencapai objektif yang digariskan. Kursus ini bukan sahaja penting kepada pihak pengurusan, tetapi juga kepada pelajar sebagai generasi pewaris negara. Jelasnya, kursus ini dianggap 'hidup dalam jiwa' mereka kerana menjadi suatu keperluan kepada mereka sebagai warganegara. Pendek kata, kursus PEdP mempunyai kelasnya yang tersendiri dan dianggap *significant* sebagai ganti kepada kursus sebelum ini, Hubungan Etnik. Malah boleh dikatakan kursus PEdP lebih praktikal dan bersifat aplikasi ilmu, sementara kursus Hubungan Etnik lebih bersifat *textual*. Hal ini diperkuatkan lagi dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran menerusi tugasan sama ada secara berkumpulan mahupun individu. Berdasarkan

Carta 4, menunjukkan 88% responden bersetuju dengan aktiviti tugasan yang dilaksanakan dapat membantu pelajar untuk menghayati kursus ini dari segi etika dan peradaban. Dari aspek penilaian, tugasan kursus ini dilaksanakan sepanjang semester iaitu dengan pecahan markah berkumpulan meliputi 80% (merangkumi pembentangan, buku kerja dan esei), serta 20% pula tugasan individu. Oleh itu, jelaslah bahawa kurikulum kursus ini digubal dan diadun selari dengan keperluan mereka agar dapat diaplikasikan dalam kehidupan masing-masing.

#### Carta 4: Aktiviti Tugasan Membantu Dalam Memahami Etika Dan Peradaban

Adakah anda bersetuju bahawa tugasan kursus (individu dan berkumpulan) telah banyak membantu anda memahami penghayatan etika dan peradaban?  
642 responses




#### *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran PEdP*

Apabila membincangkan tentang kursus, maka ia tidak dapat lari daripada keperluan untuk meninjau kaedah pengajaran dan pembelajaran (PnP). Di UMS, hasil kajian mendapati isu PnP terdapat pelbagai pandangan daripada pelajar. Berdasarkan Carta 5, menunjukkan majoriti responden merasakan tumpuan mereka terjejas apabila kaedah PnP dijalankan dalam talian, iaitu bersetuju (32.7%) dan neutral (39.9%). Hal ini antara lain dikaitkan dengan masalah kemudahan infrastruktur seperti data dan pencapaian line internet di samping keselesaan pembelajaran. Hanya 27.4% sahaja yang tidak menghadapi masalah semasa sesi pembelajaran. Justeru itu, perkara ini juga perlu diambil kira untuk melihat keberkesanan pembelajaran yang dilaksanakan secara dalam talian.

#### Carta 5: Tumpuan Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian

Adakah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian telah menjejaskan tumpuan anda untuk memahami kursus ini?  
642 responses






## Carta 6: Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Yang Paling Sesuai Untuk Kursus PEdP

Silip pilih pernyataan yang menggambarkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk kursus ini.

642 responses



Berdasarkan Carta 6, menunjukkan majoriti responden iaitu 64.8% bersetuju agar kaedah PnP dilaksanakan secara gabungan iaitu bersemuka dan dalam talian. Sementara 21.8 % dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya dan 13.4% pula dilaksanakan secara bersemuka sepenuhnya. Natiujahnya, kaedah konvensional perlu diadunkan dengan kaedah PnP secara dalam talian (*digital*) kini mula menjadi pilihan pelajar. Sememangnya kaedah konvensional tidak boleh dipinggirkan sama sekali kerana pendidikan itu memerlukan interaksi antara tenaga pengajar (guru atau pensyarah) dengan pelajarinya secara bersemuka. Malah aktiviti PnP lebih bermakna kerana ia melibatkan nilai insaniah, serta jiwa minda yang mungkin kurang keberkesannya melalui PnP secara talian. Sementara kaedah pengajaran secara dalam talian perlu disesuaikan agar terdapatnya dinamika dalam amalan Pendidikan. Justeru itu, Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) diakui perlu dipraktikkan dalam PnP agar dapat mendalami lagi kursus ini. (*Buku Panduan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (High-Impact Educational Practices-HIEPs) dalam Matapelajaran Pengajian Umum, 2019*).

### Rumusan dan Cadangan

Dapatan kajian menunjukkan pelajar yang mengikuti kursus PEdP secara umumnya berpendapat bahawa masih terdapat keberkesanan dalam proses PnP secara dalam talian (*online*). Kaedah pengajaran secara dalam talian ini tidak dapat dielakkan sesuai dengan keadaan norma baharu pada masa kini. Secara keseluruhannya, kursus ini dapat dikendalikan dengan baik oleh tenaga pengajar (pensyarah) apabila tercapainya objektif kursus yang telah digariskan, di samping kekuatan yang sedia ada dalam kandungan kurikulumnya. Dengan ini, kursus PEdP yang baharu diperkenalkan sebagai Matapelajaran Wajib dapat membantu ke arah peningkatan kualiti insan dalam kalangan pelajar yang mengikutinya sejajar matlamat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Melalui kursus ini, ia mampu untuk melahirkan graduan yang *holistic*, di samping menghayati nilai-nilai patriotisme dan jati diri beracuan Malaysia.

Walau bagaimanapun, kaedah pengajaran kursus PEdP secara dalam talian terdapat beberapa kelemahannya yang perlu diatasi seperti isu data dan capaian internet yang sedikit sebanyak boleh menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran. Berikutan itu, terdapat beberapa cadangan hasil daripada kajian ini iaitu,

1. Kursus PEdP sebagai kursus baharu perlu diteruskan sebagai ganti kepada kursus sebelum ini, Hubungan Etnik.
2. Kaedah pengajaran secara konvensional perlu digabungkan dengan kaedah moden (secara digital), yakni secara dalam talian untuk menjadikan proses pembelajaran lebih bermakna dan berkesan.
3. Pensyarah atau tenaga pengajar perlu lebih kreatif dan inovatif dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran agar kursus PEdP ini dapat dijiwai dan dihayati oleh para pelajar.
4. Kajian berkaitan dengan kursus PEdP perlu dilakukan dan diteruskan agar tercapai matlamat yang digariskan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN).

### Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2111) dan Erudites Knowledge Unlimited (EKU) (Kod Geran: TLS2010). Manuskrip ini juga telah dibentangkan dalam Seminar Penyelidikan dan Inovasi Pendidikan (SPIP2021), 24-26 Mac 2021.

### Rujukan

*Berita Harian*. 25 September 2019.

*Buku Panduan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (High-Impact Educational Practices-HIEPs) dalam Matapelajaran Pengajian Umum*. (2019). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Tinggi.

Cheng, Y. (2012). *Islam and The Wisdoms of Asian Religions*. K.L.: The Other Press.

Cheng, Y. (2016). *Islam and Secularism: The Quest for A Unity of Knowledge*. Kuala Lumpur: IIUM Press, International Islamic University Malaysia.

Dayu Sansalu, Mohd Sohaimi Esa, Yusten Karulus dan Budi Anto Mohd Tamring. (2015) *Eksplorasi Hubungan Etnik*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn Bhd

Dugin, A. (2012). *The Fourth Political Theory*. London: Arktos.

Falikowski, A. F. (1990). *Moral Philosophy: Theories, Skills and Applications*. Englewood Cliff, NJ: Prentice Hall.

*Garis Panduan Matapelajaran Umum (MPU), Edisi Kedua*. (2016). Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

Guenon, R. (2001). *The Reign of Quantity and The Signs of The Times*. (Lord Northbourne, Trans.). Hillsdale, NY: Sophia Perennis. (Original work published 1945).

Hamidah Ab Rahman, Norlin Ahmad, Nor Akmar Nordin, Norashikin Mahmud, Rozianan Shaari dan Shah Rollah Abdul Wahab. (2011). Kajian Tinjauan Hubungan Etnik dalam Kalangan Pelajar Tahun Satu di Kampus Johor Bahru, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). *Jurnal Teknologi*, 54 (Sosial Sosial).

Harari, Y. N. (2017). *Homo deus: A Brief History of Tomorrow*. Australia: Harper Collins.  
MacKinnon, B. (2015). *Ethics: Theory and Contemporary Issues* (8th ed.) Stamford, CT: Cengage Learning.

Irma Wani Othman, Mohd Kamal Mohd Shah, Muhammad Safuan Yusoff & Anna Lynn Abu Bakar. (2021). Career Verdure and Wellness Signification Among Academic Expatriate Members of Malaysian Private University. *Linguistica Antverpiensia*, 2021 (1): 420-437.

Irma Wani, Othman. (2019a). Identiti Budaya dan Semangat Patriotisma Negara Asal dalam Pengekalan Akademik Eskpatriat di Universiti Awam Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(17): 144-158.

- Irma Wani, O., Herlina. J., & Norazah, M. S. (2019b). Factors Affecting the Tendency of International Students to Pursue Study in Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, Vol. 23 (2):185-200.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2004). *Pelan Pembangunan Pelajaran 2000-2010*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi. (2019). Pelaksanaan Kursus Falsafah dan Isu Semasa serta Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban di Institusi Pendidikan Tinggi. 15 Ogos. Surat JPT (BKA)1000/011/04 (9).
- Majid Fakhry (1991). *Ethical Theories in Islam*. Leiden: J.J. Brill.
- Maszlee Malik (2017). *Foundations of Islamic Governance: A Southeast Asian Perspective* (1st ed.). London & New York: Routledge.
- Mitchell, H. B. (2011). *Roots of Wisdom: A Tapestry of Philosophical Traditions* (6th ed.). Wadsworth: Cengage Learning.
- Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. 2006. Jabatan Pengurusan IPT. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Sohaimi Esa, Dayu Sansalu & Budi Anto Mohd Tamring. 2011. *Hubungan Etnik: Kelangsungan Pembinaan Negara Bangsa*. Puchong: Penerbitan Multimedia.
- Mohd Sohaimi Esa. (2020). *Biografi Tun Razak: Bapa Pembangunan Negara*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Mohd. Zahedi Daud. (2005). *Pelan Integriti Nasional: Strategi Pelaksanaan Peringkat Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Jabatan Pengurusan IPT. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Muhamad Rahimi Osman. (2010). Peranan Kursus Pengajian Umum dalam Pembangunan Kemahiran Insaniah: Pengalaman UiTM. *Malim SEA Journal of General Studies* 11.
- Nazri Muslim, Faridah Jalil, Abdul Aziz. (2011). Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Peruntukan Orang Melayu dalam Perlembagaan dari Perspektif Hubungan Etnik di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, Bil. 18.
- Ruslan Hassan, Farid Mat Zain, Kaseh Abu Bakar & Azmul Fahimi Kamaruzaman. (2020). Kefahaman Nilai Etika dan Moral Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Sorotan Literatur. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*. 21.
- Saharia Ismail. (2015). Pembangunan Insan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Journal of Human Capital Development*. Vol. 8, No.2. July-December.
- Shamsul Amri Baharuddin (Ed). (2007). *Modul Hubungan Etnik*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Shamsul Amri Baharuddin (Ed). (2012). *Modul Hubungan Etnik* (2nd ed.) Bangi: Institut Kajian Etnik, UKM.
- Siti Hajar Che Man. (2012). Penawaran Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia: Platform Utama ke Arah Memperkenalkan Tamadun Cina. *Sosiohumanika*, 5(1).